

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	12 July 2015

# MH17 ujian menyedihkan - PM

um-12/7/2015

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA  
pengarang@utusan.com.my

■ SEPANG 11 JULAI

**D**ATUK Seri Najib Tun Razak berkata, tragedi pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH17 ditembak jatuh di Ukraine telah hampir setahun berlalu, namun kesedihannya masih lagi dirasakan oleh rakyat Malaysia, termasuk beliau sendiri.

Menurut Perdana Menteri, beliau amat memahami perasaan setiap waris dan keluarga mangsa MH17 kerana turut kehilangan nenek tirinya, Puan Sri Siti Amirah Prawiran Kusuma berikutan insiden itu.

"Tiada apa pun yang dapat menjadi ganti kehilangan insan yang dikasihi. Hanya kenangan dan memori indah mereka menjadi peneman dan akan sentiasa tersemat dalam sanubari kita.

"Juga tidak lupa iringan dan kiriman doa buat mereka yang

telah pergi meninggalkan kita buat selama-lamanya," katanya semasa berucap dalam upacara memperingati tragedi MH17 di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLLA) hari ini.

Najib berkata, MH17 adalah satu peristiwa yang sukar dilupakan olehnya dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor, kerana itu beliau memilih untuk berjumpa setiap keluarga waris secara individu bagi berkongsi kesedihan.

"Saya memilih pada ketika itu untuk bertemu dengan setiap waris secara individu, kerana saya dapat rasakan perasaan sedih itu, saya akan melakukan apa sahaja yang diperlukan untuk membantu mencari mereka yang bertanggungjawab.

"Saya tidak boleh membenarkan keluarga (mangsa) untuk berasa sedih tanpa melihat dan memberi penghormatan ke atas jenazah orang yang mereka sayangi dan itulah masanya apabila saya mulakan inisiatif untuk menyiasat dan

mengadakan rundingan dengan kumpulan pemisah ini," katanya.

Perdana Menteri memberitahu, tidak pernah berlaku dalam sejarah beliau akhirnya terpaksa mengadakan rundingan siang dan malam dengan puak pemisah hingga berjaya mendapatkan kontak hitam dan memasuki kawasan kejadian.

"Rundingan dan perbincangan saya dengan kumpulan pemisah itu amat sukar. Ia belum pernah berlaku dalam sejarah Malaysia untuk berunding dengan pemisah.

"Ia tidak dilakukan tanpa menghormati pihak Ukraine tetapi niat utama saya adalah semata-mata untuk mendapatkan kembali mayat mangsa dan bangkai pesawat. Alhamdulillah, kami berjaya mendapatkan semula jenazah dan bangkai pesawat," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri mengambil kesempatan pada majlis, itu untuk memberi penghargaan kepada pasukan foren-

sik, Kementerian Kesihatan, polis, tentera, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Jabatan Penerbangan Awam (DCA) dan beberapa lagi pihak yang cekal dan menjalankan kerja dengan hebat untuk mendapatkan semula mayat serta bangkai pesawat dari lokasi kejadian.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada rakan sejawatannya, Perdana Menteri Belanda, Mark Rutte kerana membantu Malaysia membawa balik jenazah.

"Saya juga ucapkan terima kasih kepada waris-waris yang sabar dan turut memberi kerjasama kepada kerajaan dalam menguruskan tragedi MH17 ini," katanya.

Sambil melahirkan ucapan takziah kepada waris terdekat mangsa, Perdana Menteri berharap kejadian itu tidak akan menghalang keyakinan rakyat kepada Malaysia kerana negara itu bertekad untuk bergerak ke hadapan bersama-sama.